1. ***Lengkapkan tempat kosong dengan kefahaman nama Allah al Muntaqim.***

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| menolak | kemarau | pembalasan | dakwah | menentang |

1- Allah memberikan _____ dengan seksaan neraka terhadap orang yang _____ Peringatan al-Quran.
2- Kaum Quraisy ditimpakan dengan _____ Panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka kerana menolak _____ Rasulullah.
3- Allah memberikan pembalasan terhadap golongan yang _____ agamaNya setelah diutuskan rasul .

2. ***Tandakan (/) pada perkataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.***

1- Allah Maha Berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendakNya. ☐

2- Perbuatan Allah boleh dipersoalkan untuk memahami hikmah daripada perbuatan tersebut. ☐

3- Allah memberikan pembalasan seksaan neraka kepada mereka yang ingkar perintahNya. ☐

4- Kita wajib meyakini semua makhluk berada dalam pemerintahan Allah. ☐

5- Maksud al Jabbar ialah Allah Maha Pembalas dengan menimpakan azab. ☐

3- ***Isi jawapan yang betul kesan melakukan ajaran sesat.***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Agama | Politik | Ekonomi | Kemasyarakatan |

1- Melemahkan iman dan merosakkan akidah. ☐

2- Membentuk masyarakat bersifat mementingkan diri sendiri. ☐

3- Mewujudkan suasana politik yang tidak harmoni. ☐

4- Melahirkan mayarakat yang malas bekerja. ☐

4- ***Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.***

| RUKUN HAJI | RUKUN UMRAH |
|---|---|
| Niat mengerjakan haji | Niat mengerjakan umrah |
| 1- | 1. |
| Tawaf di kaabah | 2. |
| Sai | 3. |
| 2- | Tertib pada semua rukun. |
| 3- | |

5- *Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.*

1- Kerajaan Khulafa al-Rasyidin adalah kesinambungan daripada negara Islam yang diasaskan oleh

_____.

2- Kerajaan Khulafa al-Rasyidin mengamalkan _____ bagi melicinkan pentadbiran negara Dan rakyat.

3- Peluasan Kawasan Islam terhenti pada zaman khalifah _____ kerana negara huru hara.

4- Khalifah Abu bakar al Siddiq telah memerangi golongan murtad dan nabi _____.

**6- <u>Lengkapkan tempat kosong dengan pencapaian pemerintahan Kerajaan Khulafa al-Rasyidin dalam Bidang ekonomi.</u>**

| pembinaan | terusan | jizyah | cukai | Baitulmal |
|---|---|---|---|---|

1- Khalifah Umar al Khattab telah memperkenalkan pelbagai _____ baharu seperti jizyah dan kharja.

2- Khalifah Umar al Khattab memajukan system pengairan dan saliran melalui _____ terusan Amirul Mukminin di Mesir.

3- Khalifah Ali bin Abu Talib telah meneruskan kutipan cukai _____ terhadap golongan zimmi.

7- ***Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai (Kerajaan Bani Umaiyah dan Abbasiyah***).

1- Khalifah yang menjadikan damsyik sebagai pusat pemerintahan yang terkenal ialah _____.

2- Khalifah yang menyemarakkan aktiviti keilmuan seperti pengajaran al Quran dan pembukuan hadis Ialah_____.

3- Sistem pelantikan Khalifah secara _____ telah menimbulkan perebutan kuasa.

4- Pusat perkembangan ilmu,kebudayaan dan perdagangan antara bangsa pada zaman kerajaan Abbasiyah ialah _____.

5- Khalifah _____ menjadikan Baitul Hikmah sebagai pusat penterjemahan.

6- Khalifah _____ yang memindahkan pusat pentadbiran dari Damsyik ke Baghdad.

7- Khalifah _____ membina balai cerap sebagai pusat penyelidikan ilmu